

CTCS cepatkan penjelasan cek

Kosmo, 1 Julai 09 P. 48



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

“Cek tempatan dan cek luar kawasan secara keseluruhannya akan dijelaskan pada hari yang sama dan dana boleh diterima selawat-lewatnya dua hari dari tarikh penjelasan cek tersebut.

“Bagaimana pun, bagi negeri Kelantan dan Terengganu, yang cuti hujung minggunya ada-

lah pada hari Jumaat dan Sabtu, cek yang didepositkan pada hari Ahad memerlukan tambahan satu hari bekerja untuk dana dimasukkan ke dalam akaun pendeposit,” katanya.

Selain itu, BNM menjelaskan, pengguna dan golongan peniaga juga tidak perlu lagi menanggung bayaran komisen bagi cek luar kawasan.

Sistem CTCS kini dikendalikan sepenuhnya oleh Perbadanan Penjelasan Elektronik Malaysia Sdn. Bhd., (MyClear), yang mana MyClear ialah syarikat milik penuh BNM yang mula beroperasi pada 2 Januari 2009.

Menurutnya, CTCS merupakan suatu inisiatif penting untuk memodenkan infrastruk-

tur pemprosesan cek di negara ini dengan mengubah proses penjelasan cek secara elektronik dan mengurangkan risiko serta kos yang berkaitan dengan instrumen pembayaran berasaskan kertas.

Di samping itu, BNM berkata, melalui pelaksanaan CTCS, orang ramai juga diingatkan bahawa berkuat kuasa 1 September depan, hanya cek dengan reka bentuk baru yang mematuhi Standard Reka Bentuk dan Spesifikasi cek eSPICK sahaja akan diterima oleh pihak bank untuk penjelasan.

Oleh itu, BNM menasihati pelanggannya supaya menukarkan cek reka bentuk lama kepada cek reka bentuk baru di bank masing-masing.

KUALA LUMPUR - Bermula hari ini, pengguna dan golongan peniaga tidak perlu menunggu sehingga tiga hari selepas cek mereka didepositkan kerana Bank Negara Malaysia (BNM) telah menggantikan sistem penjelasan cek kepada Sistem Pemangkas dan Penukaran Cek (CTCS) melalui penyaluran imej dan data cek.

Bank Pusat dalam kenyataannya berkata, tindakan ini akan menggantikan sistem sedia ada yang berasaskan kepada pertukaran cek secara fizikal dan melaluinya ia akan menyumbang kepada proses penjelasan cek yang lebih pantas dalam masa yang lebih singkat.

Ia bermakna dana dapat dikreditkan ke dalam akaun pendeposit dengan lebih cepat.